

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR.ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-39
KOPERASI GABUNGAN PEKEBUN KECIL
PERAK BERHAD**

**30 JULAI 2026 (KHAMIS)
9.30 PAGI
HOTEL TRAVELODGE IPOH
JALAN RAJA DIHILIR, IPOH, PERAK**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Malaysia
Madani dan Salam Koperasi

Salutasi

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-39 Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad pada hari ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Encik Hasan bin Saadan selaku Pengerusi Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad serta seluruh Anggota Lembaga Koperasi atas jemputan yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama meraikan mesyuarat agung ini.

3. Kehadiran para anggota pada hari ini menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap perjalanan koperasi. Ia juga

membuktikan bahawa anggota sentiasa mengambil berat tentang perkembangan serta hala tuju koperasi yang telah dibangunkan bersama sejak sekian lama.

Hadirin yang dihormati

4. Mesyuarat Agong merupakan satu peristiwa penting dalam perjalanan sesebuah koperasi. Melalui mesyuarat seperti ini, anggota dapat melihat pencapaian yang telah dicapai serta memberikan pandangan bagi memperkukuhkan lagi pengurusan koperasi.

5. Saya percaya setiap keputusan yang dibuat dalam mesyuarat ini akan menjadi panduan kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk merangka strategi yang lebih baik demi memastikan koperasi terus berkembang pada masa hadapan. Saya amat berbangga melihat perkembangan Koperasi Gabungan

Pekebun Kecil Perak Berhad yang telah berjaya membina kedudukan kukuh sejak penubuhannya.

6. Bermula dengan nilai syer sekitar RM70,000 pada tahun 1981, koperasi ini kini telah mencatatkan nilai syer sebanyak RM1.8 juta dengan jumlah aset mencecah RM40 juta sehingga tahun 2025. Pencapaian ini menunjukkan bahawa pengurusan yang baik serta perancangan yang tersusun mampu membawa koperasi mencapai kejayaan yang membanggakan.

7. Saya juga dimaklumkan bahawa koperasi ini telah berjaya mengisytiharkan dividen sebanyak 10 peratus bagi tahun kewangan berakhir Disember 2025 kepada 13 koperasi pekebun kecil daerah. Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga koperasi atas pencapaian ini.

Kejayaan memberikan pulangan kepada anggota membuktikan bahawa koperasi mampu menguruskan aktiviti ekonomi dengan baik serta menjana manfaat kepada mereka yang bersama-sama membangunkannya.

8. Saya turut ingin merakamkan ucapan tahniah kerana Koperasi ini telah berjaya disenaraikan di kedudukan ke-81 dalam 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi tahun 2026. Kedudukan ini mencerminkan usaha berterusan pihak pengurusan koperasi dalam memperkukuhkan prestasi serta meningkatkan daya saing organisasi.
9. Saya juga amat berbangga dengan usaha koperasi dalam kepelbagaian bidang perkhidmatan yang diceburinya seperti kesihatan melalui pemilikan Smart Hemodialysis Sdn. Bhd, Projek pembangunan perumahan di

Simpang Halt, Taiping yang melibatkan 22 unit rumah, pengambilhan pembangunan Projek Perumahan Tasik Rabanm, penerokaan baharu termasuk menambah keluasan tanah perladangan kelapa sawit, pembangunan stesen minyak serta sektor penternakan ayam pedaging dan lembu fidlot.

Hadirin yang dihormati

10. Sebagai badan puncak gerakan koperasi negara, ANGKASA sentiasa komited untuk membantu koperasi meningkatkan keupayaan melalui pelbagai inisiatif pembangunan, pengukuhan tadbir urus serta penerokaan peluang perniagaan. Peranan ini selaras dengan tanggungjawab ANGKASA dalam menyatukan gerakan koperasi dan memastikan koperasi di Malaysia terus berkembang sebagai pemain penting

dalam pembangunan ekonomi negara.

11. Sehingga Disember 2025, gerakan koperasi Malaysia terus menunjukkan perkembangan yang positif dengan melibatkan 16,468 buah koperasi di seluruh negara serta keanggotaan yang mencecah 7.3 juta anggota. Gerakan ini turut merekodkan nilai aset sebanyak RM186.74 Bilion, syer sebanyak RM 18.64 Bilion dan perolehan sehingga RM81.62 Bilion, sekali gus membuktikan bahawa koperasi mempunyai peranan yang semakin penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan kesejahteraan anggota.

12. Bagi memastikan koperasi terus berdaya saing, ANGKASA sentiasa memperkukuhkan sokongan melalui pembangunan sektor perniagaan

strategik seperti kewangan, inovasi dan teknologi, pemborongan dan peruncitan, perladangan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, hartanah, pertanian serta industri asas tani. Usaha ini dilaksanakan bagi membantu koperasi mengenal pasti bidang pertumbuhan baharu, memperluaskan jaringan perniagaan serta meningkatkan keupayaan dalam menghadapi perubahan ekonomi semasa.

13. Dalam era globalisasi ini, ANGKASA juga terus memperluaskan jaringan koperasi Malaysia ke peringkat antarabangsa melalui penglibatan aktif dalam organisasi seperti International Cooperative Alliance (ICA), ICA-Asia Pacific (ICA-AP) dan ASEAN Co-operative Organization (ACO). Jaringan ini membuka ruang kepada koperasi tempatan untuk mendapatkan akses kepada pasaran baharu serta membina kerjasama

perniagaan dengan gerakan koperasi di luar negara.

Hadirin yang dihormati

14. Saya percaya Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad mempunyai potensi yang besar untuk terus berkembang. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad atas segala pencapaian yang telah diraih.

15. Semoga koperasi ini terus maju sebagai sebuah koperasi yang kukuh, berdaya saing dan sentiasa memberikan manfaat kepada anggota khususnya 13 koperasi pekebun kecil daerah yang menjadi asas penubuhannya.

16. Saya berharap Mesyuarat Agong Perwakilan Tahunan Kali Ke-39 ini dapat berjalan dengan lancar serta menghasilkan keputusan terbaik demi kemajuan koperasi pada masa hadapan.
17. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Mesyuarat Agong Perwakilan Tahunan Kali Ke-39 Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad**.
- Sekian, terima kasih.